

# TAK ADA KAD JEMPUTAN PAS

UM - 4 AUG 1982

**B**ANTING, Selangor 8 Ogos - UMNO tidak mempunyai tempat bagi ahli-ahli PAS yang menunggu kad jemputan bertinta emas untuk menyertai perjuangannya, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini.

Perdana Menteri berkata, UMNO tidak akan membuang duit mencetak kad-kad jemputan untuk mempelawa ahli-ahli PAS menyertainya kerana "orang-orang yang menunggu kad jemputan itu bukan umat yang berminat dalam politik".

Berucap ketika merasmikan mesyuarat tahunan UMNO Bahagian Kuala Langat di sini, beliau menjelaskan bahawa pelawaan UMNO kepada anggota-anggota PAS telah dibuat dengan tujuan untuk menyatupadukan orang Melayu.

"Kita cuma bayangkan cara bagaimana hendak menyatupadukan umat Islam dan orang Melayu di negara ini dan tidak mahu melihat perpecahan di kalangan kita. Berdasarkan tujuan inilah kita menjemput PAS menyertai perjuangan UMNO," katanya.

## Hilang haluan

Kalau orang-orang PAS bersetuju menyertai UMNO, kata Datuk Sri Dr. Mahathir UMNO bersedia berunding dengan mereka.

"Sekiranya mereka menimbulkan reaksi yang tidak sesuai, perundingan tidak akan dijalankan lagi," tambahnya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO berkata jawapan yang diperolehinya daripada kalangan anggota PAS ialah mereka tidak dijemput masuk UMNO dengan kad jemputan yang rasmi.

Beliau berkata, "jemputan UMNO kepada ahli PAS bukanlah jemputan untuk kenduri nikah kahwin atau kenduri aruah. Jika anggota-anggota PAS bersetuju, mereka boleh masuk UMNO".

Tetapi, tegasnya lagi, Parti UMNO tidak akan membuang duit mencetak kad-kad jemputan yang bertinta emas untuk mempelawa mereka menyertai perjuangannya.

Beliau menjelaskan tujuannya mengundang ahli-ahli PAS menganggotai UMNO kerana mereka telah keliru dan hilang haluan akibat tindak-tanduk para pemimpin PAS.

Katanya, para pemimpin PAS irihati dengan kejayaan UMNO dan telah menjadikan UMNO sebagai musuh.

"Oleh kerana tidak ada isu yang boleh digunakan oleh parti itu, PAS telah memperalatkan agama Islam.

"Beberapa masalah dan kekacauan di kalangan umat Islam yang berlaku di negara ini sekarang adalah kerana tindak-tanduk Parti PAS," katanya.

Sebagai sebuah parti yang mempunyai 750,000 orang anggota dan parti Islam yang terbesar di Malaysia serta ketiga besarnya di dunia, Perdana Menteri berkata ahli-ahli UMNO tidak boleh bersikap marah kepada "orang-orang PAS yang hilang haluan itu".

"Kita ingin mereka menyertai perjuangan kita semula," tambah beliau.

Datuk Sri Dr. Maha-

thir mensifatkan orang-orang yang menunggu jemputan UMNO sebagai orang-orang yang tidak berminat dalam politik. Ini berbeza dengan orang UMNO yang menyertai parti secara sukarela.

Sambil memuji orang-orang yang menyertai partinya sebagai orang yang berminat dalam politik, Presiden UMNO itu melahirkan keyakinannya bahawa semua ahli UMNO bertekad untuk meneruskan perjuangan parti.

Menurut beliau, orang Melayu merupakan kumpulan yang masih lemah dalam berbagai-bagai bidang khususnya ekonomi.

"Dari segi politik, kekuatan orang Melayu hanya dapat wujud sekiranya semua tenaga mereka dapat dicantumkan dan kita patutlah bersatu-padu.

"Hanya melalui perpa-

duan sahaja dapat kita tentukan diri kita tidak ditindas oleh mana-mana pihak. Dan ini adalah hasrat UMNO yang hendak dicapai dengan membuka pintunya kepada semua orang Melayu," katanya.

Beliau juga menyatakan bahawa perjuangan UMNO belum lagi tamat kerana "orang-orang Melayu belum lagi mencapai suatu tahap kejayaan yang boleh dibanggakan".

Untuk menjadi kuat, Perdana Menteri menggesa orang-orang Melayu supaya melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kecakapan yang perlu.

Mengenai tuduhan Parti PAS yang menyatakan UMNO menggunakan kemudahan kerajaan untuk kepentingan sendiri, Datuk Sri Dr. Mahathir, berkata PAS dahulu juga menggunakan kemudahan yang sama dalam kerajaan untuk

menguatkan diri dan melengkapkan UMNO.

Apabila PAS berada dalam kerajaan sebelum 1974 dahulu, pemimpin-pemimpinnya telah menggunakan kuasa dan peruntukan kerajaan untuk menubuhkan ranting-ranting PAS di seluruh negara," tegasnya.

Sekarang, tambah Datuk Sri Dr. Mahathir, PAS menuduh UMNO menggunakan kemudahan kerajaan pula.

Berbalik kepada cogan kata kerajaannya iaitu 'cekap, bersih dan amanah, Perdana Menteri menjelaskan, cogan kata itu tidaklah bermakna kerajaannya mengabaikan sifat-sifat lain seperti keadilan, kebaikan dan budi pekerti.

"Keadilan, kebaikan dan budi pekerti adalah juga penting dalam negara yang maju dan bermaruah tinggi," tegasnya.

Beliau bagaimanapun

menjelaskan juga bahawa keadilan yang diutamakan oleh negara ini bukanlah terhad kepada orang Melayu sendiri tetapi juga kepada kaum-kaum lain.

"Seperti mana kita tidak mahu orang lain menindas kita, kita janganlah menindas orang lain dan kalau kita tidak mahu orang menipu kita, kita juga tidak harus menipu orang lain", ujar beliau.

Beliau kemudiannya menggesa orang-orang UMNO supaya terus menaruh minat yang mendalam terhadap perjuangan politik mereka.

Turut hadir dalam sidang UMNO Bahagian Kuala Langat hari ini termasuk bekas ketua bahagiannya, Datuk Hormat Raffi, ketua bahagian yang baru, Dato' Harun Idris dan Menteri Kebajikan Am Datin Paduka Hajah Aishah Ghani yang juga ahli Parlimen kawasan tersebut.